PERINCIAN SYARAT KENAIKAN PANGKAT

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

(1) JAWATAN	**:**	**JURURAWAT**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	**:**	**PERUBATAN DAN KESIHATAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	**:**	**PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN	**:**	**U9**
JADUAL GAJI	**:**	<table><tr><th>Gred</th><th>Gaji Minimum</th><th>Gaji Maksmimum</th><th>Kenaikan Gaji Tahunan</th></tr><tr><td>9</td><td>RM2,580.00</td><td>RM11,110.00</td><td>RM225.00</td></tr></table> **Senarai Elaun:** Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) : **RM 300.00** Bayaran Imbuhan Sara Hidup (BISH) : **RM 300.00** Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) : **RM 300.00** Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) : **RM 165.00**
SYARAT KENAIKAN PANGKAT KE GRED U9	**:**	(a) Jururawat Gred U5 dan U6 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U9 yang kosong apabila telah: (i) disahkan dalam perkhidmatan; (ii) mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred U9: RM2,580.00) (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. (b) Jururawat Gred U7 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U9 yang kosong apabila telah: (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. Pegawai juga perlu memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat seperti dinyatakan di perkara 48 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2022) dan syarat serta kriteria kenaikan pangkat yang telah ditetapkan.